



SIARAN AKHBAR
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

SITUASI TERKINI KEJADIAN AIR KEMERAH-MERAHAN
DI PERAIRAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
10HB. FEBRUARI 2026

Susulan daripada kenyataan media bertarikh 17hb. Sya'ban 1447H bersamaan dengan 5hb. Februari 2026M, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan pemantauan dari udara bagi keadaan air kemerah-merahan di perairan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Angkatan Bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada hari Isnin, 9hb. Februari 2026. Hasil daripada pemantauan tersebut mendapati bahawa **fenomena air kemerah-merahan masih dikesan di perairan negara dan kawasan yang terjejas termasuk kawasan perairan luar pesisir pantai (*offshore*) yang ditunjukkan dalam peta yang disertakan (koordinat seperti dalam Lampiran 1).**

Setakat ini, fenomena air kemerah-merahan tidak dikesan di kawasan-kawasan persisiran pantai (*coastline*), dan keadaan di kawasan tersebut adalah terkawal.

Berdasarkan pemantauan berterusan, Jabatan Perikanan menegaskan agar orang ramai, terutamanya nelayan, adalah dilarang sama sekali daripada menangkap ikan atau mengutip kerang-kerangan di kawasan yang terjejas dan untuk tidak mengambil ikan yang didapati mati di perairan Negara Brunei Darussalam memandangkan ianya boleh dicemari dengan bahan toksin yang merbahaya kepada kesihatan manusia. Penjual-penjual ikan juga dinasihatkan untuk tidak menjual ikan-ikan kecil seperti aur-aur, tamban, basong-basong, pusu, kuasi, bubuk dan semua jenis kerang-kerangan yang terjejas oleh air kemerah-merahan.

Orang ramai diingatkan untuk membuang semua insang, perut dan organ-organ dalaman ikan sebelum dimasak, serta tidak memakan ikan-ikan kecil yang tidak dapat dibuang insang, perut dan organ-organ dalaman dan kerang-kerangan dari kawasan yang terjejas atau yang tidak diketahui tempat asalnya. Di samping itu, orang ramai juga dinasihatkan bagi mengelakkan penggunaan air di kawasan perairan yang terjejas.

Jabatan Perikanan melalui Divisyen Pelesenan dan Penguatkuasaan juga sedang giat melaksanakan pemeriksaan ke tempat-tempat penurunan perahu, pasar-pasar dan tempat perniagaan yang lain bagi memastikan ikan-ikan kecil dan semua jenis kerang-kerangan yang terjejas oleh air kemerah-merahan tidak dijual.

Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan terus memantau fenomena air kemerah-merahan ini dan memaklumkan sebarang perkembangan secara berterusan, bagi memastikan orang ramai sentiasa menerima maklumat yang tepat dan terkini.

Orang ramai boleh membantu dengan melaporkan sebarang kejadian perubahan warna air atau penemuan ikan mati dalam jumlah yang banyak di kawasan perairan dan pantai-pantai Negara Brunei Darussalam melalui talian 2770068 (waktu bekerja) atau melalui e-mel: enquiry@fisheries.gov.bn. Sebarang maklumat atau pertanyaan berkaitan juga boleh disalurkan secara terus kepada Jabatan Perikanan melalui laman web rasmi dan akaun media sosial Jabatan.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERIKANAN

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

22hb. Sya'ban 1447H

10hb. Februari 2026M

Rajah 1: Kedudukan lokasi kawasan terjejas air kemerah-merahan



Jadual 1: Koordinat bagi kawasan terjejas di perairan luar pesisir pantai

No	Geodatic Datum	Latitude	Longitude
1	WGS84	4°50'49.79"N	114° 5'14.68"E
2	WGS84	4°54'25.32"N	113°59'15.33"E
3	WGS84	4°59'44.01"N	114° 0'49.17"E
4	WGS84	5° 4'20.20"N	114°12'55.76"E
5	WGS84	5°13'15.74"N	114°34'0.44"E
6	WGS84	5°16'32.07"N	114°46'49.56"E
7	WGS84	5° 6'36.22"N	114°52'52.80"E
8	WGS84	4°56'59.26"N	114°29'21.97"E